



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
MERANGKAP Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YKN

SEMPENA

PROGRAM WANITA BANGKIT@KPWKM

PADA

25 FEBRUARI 2023 (SABTU), JAM 11.30 PAGI

BERTEMPAT DI

**THE GRAND CAMPBELL HOTEL
KUALA LUMPUR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera kepada hadirin hadirat sekalian.

SALUTASI

LAMPIRAN SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, dapat kita berhimpun bersama-sama untuk Program Wanita Bangkit @KPWKM anjuran Yayasan Kebajikan Negara (YKN).
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada puan-puan yang hadir pada hari ini atas semangat yang diberikan untuk menjadi wanita hebat dengan menyertai Program Wanita Bangkit@KPWKM ini.

3. Saya dimaklumkan peserta yang hadir pada pagi ini adalah seramai 250 orang dan saya amat gembira kerana kehadiran semua di sini menunjukkan komitmen dan tekad wanita untuk memajukan diri.
4. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menzahirkan penghargaan kepada kepada SHAPADU GROUP yang telah menaja lokasi program kita pada hari ini. The Grand Campbell Hotel merupakan sebuah anak syarikat di bawah SHAPADU GROUP. Terima kasih kerana menyediakan tempat supaya kita dapat menjalankan kursus untuk para peserta pada pagi ini.
5. Syarikat korporat ini juga telah menyahut saranan Program Wanita Bangkit dengan membuka peluang kepada para peserta untuk berniaga di lokasi strategik ini sempena kedatangan Ramadan dan Hari Raya yang kian menjelang tiba.
6. Penglibatan, kerjasama dan sokongan daripada syarikat-syarikat korporat amat diperlukan bagi sama-sama membantu memperkasa golongan wanita dari

pelbagai sudut dalam bidang perniagaan untuk memajukan diri.

7. Program Wanita Bangkit @KPWKM ini diilhamkan untuk wanita menjadi hebat dengan berupaya bangkit dari kegagalan serta mempunyai tekad yang jitu dalam membangunkan diri sekaligus merubah keterbatasan menjadi semangat untuk menggapai impian dan menjana pendapatan kepada keluarga.
8. Saya ingin menyeru kepada para peserta program ini agar dapat membantu wanita lain, dengan memberi peluang pekerjaan ataupun melalui perkongsian ilmu sesama sendiri.
9. Inisiatif ini juga dilaksanakan menggunakan pendekatan bimbingan dan kaunseling serta *psychoeducation* daripada Kaunselor Berdaftar Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) bagi meningkatkan jati diri wanita yang dapat memberi kesedaran serta penerokaan ilmu baharu melalui sokongan emosi agar dapat membangkitkan daya tahan serta untuk memulakan kehidupan yang baru akibat hilang punca pendapatan

kesan Pandemik Covid-19, penceraian, penderaan dari segi fizikal atau emosi dan peningkatan kos sara hidup.

10. Melalui program ini juga, wanita yang memerlukan bantuan dan sokongan akan didekati dan diberikan bantuan perniagaan untuk merubah diri dan seterusnya ekonomi keluarga. Wanita yang berjaya dapat dijadikan *role model* untuk terus membantu mereka yang memerlukan dan sekaligus menyumbang kepada pembangunan dan ekonomi negara.
11. **Seramai 16,950 orang wanita telah mendapat manfaat bantuan MyKasih Kapital dan menjalankan perniagaan yang mereka ceburi sejak ia mula dilancarkan.**

Dalam jelajah lawatan kerja saya sejak meneraju KPWKM dan sebagai Pengerusi YKN, dari Januari 2023 hingga hari ini seramai 2,180 orang peserta telah menghadiri kursus Program Wanita Bangkit@KPWKM MyKasih Kapital yang meliputi peserta dari seluruh negara. Kita tidak akan berhenti di sini, minggu depan kita akan membawa program ini ke negeri Pulau Pinang pula.

12. Saya dimaklumkan hari ini turut disediakan booth pameran perkhidmatan serta slot perkongsian daripada jabatan agensi di bawah KPWKM, PERKESO dan perkongsian peluang perniagaan daripada MAMACARE.
13. Terima kasih kepada PERKESO yang turut sama dalam program ini memberi taklimat dan pengetahuan mengenai Skim Sosial Suri Rumah dan Skim Keselamatan Pekerja Sendiri yang memberi manfaat kepada peserta juga terdiri daripada suri rumah.
14. Inisiatif seperti ini adalah bertepatan dengan konsep Malaysia MADANI di bawah Kerajaan Perpaduan yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri dalam memastikan golongan sasaran terutamanya golongan wanita tidak terpinggir dalam arus pembangunan ekonomi negara.
15. Peserta yang mengikuti kursus dan menerima bantuan modal MyKasih Kapital telah memulakan perniagaan secara kecil-kecilan seperti jualan makanan bermasak, makanan sejuk beku, jualan produk kecantikan, jualan

pakaian dan ada di antaranya memulakan perniagaan dengan menjadi ejen dropship dan hanya perlu bekerja dari rumah.

16. Melalui pemantauan yang kami jalankan selepas enam (6) bulan, **daripada 14,770 peserta, 90 peratus (90%) peserta telah meningkatkan pendapatan dari RM500 hingga RM1,000 sebulan, manakala 10 peratus (10%) lagi telah mendapat peningkatan sehingga RM 3,000 sebulan.** Ini adalah satu pencapaian yang sangat membanggakan. Siapa kata wanita tak hebat?

17. Akhir sekali, ingin saya nyatakan Program Wanita Bangkit ini telah membuka mata pelbagai pihak untuk bersama kementerian melalui YKN membantu Wanita khususnya. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Rakan Strategik YKN yang sentiasa menyokong dan bekerjasama dengan YKN dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi khususnya Wanita.

Sekian, terima kasih.